

ABSTRAK

ABDUL HARIS B. A. HAMID. *Sejarah Perkembangan Ajaran Sesat Di Hulu Besut, Terengganu*. Tesis, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia, 2001.

Mutakhir ini masalah ajaran sesat di negara kita semakin serius. Ianya bukan saja merosakkan 'aqidah, meruntuhkan perpaduan, bahkan mengancam nyawa sesiapa saja sebagaimana yang terbaru berlaku di Sauk oleh Kumpulan Al-Ma'unah serta beberapa peristiwa pada tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimana pun, masyarakat umum tidak mengerti sudut persejajaran kemunculan ajaran sesat dan kesinambungan antara yang lampau dengan yang wujud di zaman serba moden ini. Penyelidikan ini menyuluh keaburan tentang sejarah perkembangannya sejak di awal kelahiran Islam yang dibawa oleh baginda s.a.w.

Oleh yang demikian, masalah-masalah yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah: Latar belakang daerah Besut dari sudut lokasi, sosial, pendidikan serta cara hidup beragama yang dilihat dari segi persejarahannya.

1. Bagaimanakah sejarah perkembangan ajaran sesat di dalam Islam?. Bagaimanakah pula sejarah perkembangannya di Malaysia serta dari manakah sumbernya?
2. Kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang terdapat di Malaysia mengikut senarai yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) serta pengaruhnya ke atas masyarakat.

3. Bagaimanakah sejarah perkembangan ajaran sesat yang terdapat di Hulu Besut serta kesanya ke atas masyarakat setempat?
4. Apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani dan mengatasinya?

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, penyelidik melakukan penyelidikan ini dengan menggunakan metod kajian perpustakaan pada peringkat awalnya seterusnya penyelidik menggunakan metod wawancara dengan menemubual responden dan informen yang dipilih untuk ditemu bual, terutama yang pernah terlibat secara langsung, penguatkuasa syariah, pihak keselamatan, pegawai-pegawai di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan sebagainya.

Hasil yang didapati sebagaimana berikut:

1. Besut suatu masa dahulu pernah mempunyai raja dan pentadbiran sendiri yang berpusat di Palembang. Besut mempunyai tradisi beragama yang kuat. Besut juga mempunyai tradisi pengajian pondok yang agak kukuh.
2. Ajaran sesat di dalam Islam telah bermula sejak di awal Islam. Zaman keagungan dan kemuncak perkembangan ilmu pengetahuan telah menyebabkan kemasukan pemikiran-pemikiran asing ke dalam pemikiran Islam.
3. Ajaran sesat di Malaysia bermula sejak 1870 di Pulau Pinang setelah dikesan oleh pihak penyelidikan dari Universiti Sains Pulau Pinang. Tarikh '1870' diambil

sempena tarikh Masjid Kampung Seronok yang dibina pada tahun tersebut walaupun ajaran ini telah berkembang lebih awal. Sejak tarikh tersebutlah bermulanya perbincangan yang semakin hangat tentang ajaran sesat di Malaysia.

4. Ajaran-ajaran sesat yang terdapat di Malaysia yang telah dijumlahkan oleh pihak JAKIM, sebanyak 125 ajaran sesat yang terdapat di seluruh negara. Jumlah termasuklah ajaran yang sedang aktif, kurang aktif dan telah lenyap. Manakala ajaran yang terlampau aktif ialah sebanyak 17 ajaran.

5. Terdapat satu kumpulan ajaran sesat di Hulu Besut yang didapati telah lama menjalankan kegiatan pengajaran dan perjumpaan antara pengikut dan guru. Ajaran yang dikenali dengan nama '*Zikrullah Ayah Pin*' atau '*Ratib Kuat Ayah Pin*' ini mula dikesan oleh pihak berkuasa sejak tahun 1985. Ajaran ini merupakan pecahan dari ajaran Hasan Anak Rimau. Tindakan yang telah diambil Di antara tindakan yang pernah diambil ke atas kumpulan ajaran ini, antaranya Jawatankuasa 'Ulama' Negeri Terengganu telah mengeluarkan fatwa pada 4 Disember 1997. Beberapa tindakan susulan telah diambil oleh pihak JHEAT, terutama dalam usaha untuk menyeret penganjurnya ke mahkamah. Sayangnya dakwaan tidak dapat dibuat kerana kesukaran untuk mendapatkan saksi dan barang kes. Ini disebabkan Ayah Pin tidak mengajar secara terang-terangan dan hanya dapat dikesan melalui pengikut-pengikutnya sahaja.

ABSTRACT

Abdul Haris bin A. Hamid. *The History of Expanding Cult at Hulu Besut, Terengganu*. Thesis, Kuala Lumpur: Malaya University, Kuala Lumpur, Malaysia, 2001.

Lately, the problem of cult in our country is becoming very serious. It's not only broke our relationship, but also threaten our lives as happened at Sauk by the Al-Ma'unah group and others a few years ago. The people do not understand the emerging of the cult and the continuity from the past and the modern cult. This thesis is trying to study the history of cult since the emerging of Islam brought by our prophet, Muhammad s.a.w.

The issues studied are as the follow:

1. The Besut background in term of location, social, education and the way of believers in history prospect.
2. How the cult expand in Islam? How it expand in Malaysia and its source?
3. The Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) lists of the cult in Malaysia and its influence.
4. How thw cult at Hulu Besut emerge and its effect?
5. What the authority had done to overcome the problem.

The research had been done by studying the books in the library to look for the source by the famuos scholar (°ulama' mu'tabar). Then the interviews of respondent and informant to get the correct facts. The people interviewed were

police officers, officers from JAKIM, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) and others.

The result of the research are as follow:

1. The history of Besut is rather blur and no written evidence found. But according in the elders, the 'Besut' was formerly ruled by the cruel pirate king knows as Raja Sang Nyanya. The centre of kingdom in at Palembang. Besut also knows for their Islamic practising followers and study centre.
2. The cult already emerge in the early of Islam. At the peak of Islamic kingdom, the ideas of difference of other thinkers diffused in Islam, such as Hindu, Jews and others.
3. The cult in Malaysia began in 1870 in Pulau Pinang found by researchers of Science University, Pulau Pinang. The date '1870' is in accordance as the built of the Kampung Seronok mosque even though the teaching may be much earlier than that. Since then the discussion of the cult in Malaysia become top issue.
4. JAKIM listed out 125 cult in Malaysia al together including the active, semi active and distinct. The most active cult are 17.
5. In Hulu Besut, there is a cult which known as '*Zikrullah Ayah Pin*' or '*Ratib Kuat Ayah Pin*' it began in 1985 which is the part of Hassan Anak Rimau teaching which was active at Kampung Batu 13 and then moved to Bukit Mas.